

# ورتا فنرشن Warta Penerangan



JUN 2014







**Terbitan Bahagian Pengurusan  
Jabatan Penerangan  
Jabatan Perdana Menteri**

***“Membudayakan Masyarakat Bermaklumat”***

# Sidang Redaksi

Penasihat

Awang Mawardi bin Haji Mohammad

Penyelaras & Penyemak

Nur Amalina Jennifer binti Abdullah Mok  
Hajah Sujimawati binti Mejari

Sumber Berita & Fotografi

PELITA BRUNEI dan  
sumbangan pegawai dan kakitangan  
Jabatan Penerangan



**W**ARTA Penerangan merupakan sebuah surat majalah terbitan Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri yang memaparkan aktiviti dan program jabatan sepanjang tahun.

Sumber berita dan gambar dipetik dari Pelita Brunei, hasil penulisan dan sumbangan persendirian pegawai dan kakitangan jabatan.

Warga Jabatan Penerangan juga dialu-alukan untuk memberi sumbangan berita dan gambar aktiviti-aktiviti di bahagian dan cawangan masing-masing.

Berita dan gambar berkenaan boleh dihantar ke Bahagian Pengurusan, Tingkat 5, Bangunan Tambahan Baru Jabatan Penerangan.

## Isi Kandungan

## Muka

Tanamkan semangat patriotik di kalangan pelajar	5
JPM kendalikan Pameran Khas Pencapaian 30 Tahun	6
Peristiwa Israk dan Mikraj perlu dijadikan iktibar	7
Bentuk patriotik kalangan generasi muda	8
Penyampaian sijil mahasiswa UBD	9
Semat patriotisme dalam diri generasi muda	10-11
Pegawai dan kakitangan dikurniakan P.I.K.B.	11
Program Wanita Bermaklumat beri keyakinan diri	12
Pelbagai kebudayaan serikan lawatan	13-15
Peserta Bengkel Pengendalian Sistem Pembesar Suara terima sijil	16
Rombongan “Sacea Youth Lead” lawat Jabatan Penerangan	17
Rombongan Maktab Sains tinjau lebih dekat Jabatan Penerangan	18
Pegawai yang baru berkhidmat di Jabatan Penerangan	19
Senarai pegawai dan kakitangan yang menyertai kursus	19-20

NOTA: Sidang Redaksi memohon maaf jika terdapat sebarang berita, maklumat, gambar dan sebagainya yang tidak disiarkan dalam keluaran ini. Harap maklum.

# Tanamkan semangat patriotik di kalangan pelajar

Oleh & Foto :  
Aryenty Haji Ariffin



**T**UTONG, Selasa, 3 Jun. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri meneruskan 'Program Taklimat Kenegaraan Menghayati Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara Brunei Darussalam bagi Sekolah-Sekolah Kerajaan dan Swasta Seluruh Negara 2014 Peringkat Daerah Tutong.

Seperti lazimnya, program yang berbentuk taklimat itu, telah diadakan di Sekolah Rendah Sinaut, Tutong bertujuan untuk meningkatkan kefahaman dan semangat patriotik para pelajar mengenai bendera dan lagu kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Taklimat mengenai 'Menghayati Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara Brunei Darussalam' telah disampaikan oleh Ketua Cawangan Penerangan Daerah Tutong, Pengiran Haji Zahari bin Pengiran Adi.

Seramai 76 orang murid daripada Pra hingga Tahun 6 sekolah tersebut berkesempatan mendengar taklimat berkenaan.

Bendera yang dinaikkan atau dikibarkan mestilah dalam keadaan baik dan sempurna iaitu tidak koyak, tidak luntur atau pudar warnanya dan dipasang di tempat yang sesuai mengikut keadaan tempat.

Satu pertandingan menulis karangan mengenai tajuk taklimat telah diadakan bertujuan untuk mengetahui setakat mana pengetahuan mereka mengenai lagu kebangsaan dan bendera negara. Pertandingan dikendalikan oleh guru Bahasa Melayu sekolah rendah berkenaan.

Para pelajar juga berpeluang menyaksikan tayangan klip video 'Kibarkanlah Dengan Megah Bendera Negara'. Sesi taklimat juga diselang-selikan dengan kuiz kenegaraan mengenai Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan.

Seramai 10 orang murid yang menghasilkan karangan terbaik telah dipilih untuk menerima hadiah daripada Jabatan Penerangan sebagai penganjur disempurnakan oleh Ketua Cawangan Penerangan Tutong yang juga menyampaikan cenderahati kenangan dan buku-buku terbitan Jabatan Penerangan kepada Guru Besar Sekolah Rendah Sinaut, Dayang Sarinah binti Abdullah Sapoh.



MURID-MURID pra hingga Tahun 6 sekolah Rendah Sinaut, Tutong ketika menghadiri Program Taklimat Kenegaraan Menghayati Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara Brunei Darussalam (atas) dan Ketua Cawangan Penerangan Daerah Tutong, Pengiran Haji Zahri bin Pengiran Adi ketika menyampaikan hadiah kepada murid-murid yang menghasilkan karangan terbaik (bawah).



PEGAWAI dan kakitangan Jabatan Penerangan Cawangan Daerah Tutong bergambar ramai bersama tenaga pengajar dan murid-murid Sekolah Rendah Sinaut.

# JPM kendalikan Pameran Khas Pencapaian 30 Tahun

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Masri Osman

**B**ERAKAS, Khamis, 5 Jun. - Jabatan Perdana Menteri (JPM) telah mengadakan sebuah Pameran Khas Pencapaian 30 Tahun Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-30 yang diadakan di Ruang Legar Airport Mall, Berakas.

Timbalan Setiausaha Tetap (Media dan Kabinet) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Awang Haji Idris bin Haji Mohd. Ali, selaku Pengerusi Jawatankuasa Majlis Pameran Khas menjelaskan pameran Khas ini terbahagi kepada tujuh sektor iaitu Undang-Undang dan Kesejahteraan; Info-Teknologi; Ekonomi; Perkhidmatan Awam; Keselamatan; Tenaga; dan Media (Penyiaran dan Penerangan).

Pameran Sektor Media (Penyiaran dan Penerangan) mempamerkan usaha-usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam bidang penyiaran dan penyaluran maklumat kepada orang ramai mengenai hal ehwal

semasa dan antarabangsa.

Dalam pameran tersebut menunjukkan beberapa perkembangan dan kemajuan dari segi infrastruktur selaras dengan kemajuan teknologi dan info-komunikasi; perkembangan rangkaian kerjasama dan perkembangan liputan media.


Hadir selaku tetamu kehormat ialah Timbalan Menteri di JPM, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Wahab bin Juned.

Pada majlis itu, tetamu

kehormat menyempurnakan pelancaran pameran khas mengenai pencapaian 30 tahun JPM dan seterusnya menyaksikan pameran berkenaan.

Pameran khas yang bertujuan untuk mempamerkan pencapaian 30 tahun JPM.

Turut hadir Setiausaha Setiausaha Tetap, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua pengarah dan pegawai-pegawai di JPM.



SEBAHAGIAN daripada pameran khas (atas) dan Timbalan Menteri di JPM, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Wahab semasa menerima taklimat ringkas pada Pameran Khas Pencapaian 30 Tahun Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Kali Ke-30 (bawah).

# Peristiwa Israk dan Mikraj perlu dijadikan iktibar

Oleh : Nooratini Haji Abas  
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

**B**ANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 7 Jun. - Peristiwa Israk dan Mikraj Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam perlu dijadikan sebagai iktibar dengan menyimpulkan peristiwa itu dalam kekuatan pengurusan dan pembangunan sumber manusia ke arah kecemerlangan.

Pertama, sebelum terjadinya peristiwa Baginda diisrakkkan pada malam itu, semasa dalam perjalanan Baginda dari Masjidil Haram di Mekah ke Masjidil Aqsa di Palestin, di mana kedua-dua masjid tersebut diberikan keberkahan di sekelilingnya. Allah Subhanahu Wata'ala memperlihatkan bukti-bukti atau tanda-tanda kebesaran-Nya.

Setelah dari kejadian tersebut, beberapa peristiwa berlaku

yang mengandungi hikmah di sebaliknya iaitu tasbih Rasullullah Sallallahu Alaihi Wasallam itu ialah untuk memantapkan dan mengukuhkan lagi keimanannya. Pada masa yang sama, ia adalah menandakan keimanan umatnya pada masa sekarang dan akan datang.

Perkara itu merupakan antara inti pati yang disentuh dalam ceramah khas Sempena Memperingati Sambutan Israk dan Mikraj 1435 Hijrah / 2014 Masihi yang disampaikan oleh penceramah undangan Pusat Da'wah Islamiah, Awang Haji Mail bin Awang Haji Besar yang diadakan di Auditorium, Bangunan Baru Jabatan Penerangan.

Hadir dalam majlis tersebut ialah Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang



TETAMU kehormat Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Aliomar semasa hadir pada Majlis Memperingati Sambutan Israk dan Mikraj 1435 Hijrah / 2014 Masihi (atas) dan Penceramah Undangan dari Pusat Da'wah Islamiah Ustaz Awang Haji Mail bin Haji Besar menyampaikan ceramah (bawah).



Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar, selaku tetamu kehormat serta pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai dan kakitangan jabatan berkenaan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah dan doa selamat dipimpin oleh Pemangku Pegawai Penerangan, Jabatan Penerangan, Pengiran Arsul bin Pengiran Haji Abdul Momin.

Kemudian, persembahan Tausyeh 'Solatun Bissalamilmuin' yang dibawakan oleh Kumpulan Al-Wildan turut menyeroni majlis.

Majlis tersebut merupakan anjuran Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Perhubungan Awam bertujuan untuk menyemarakkan lagi sambutan hari-hari kebesaran Islam khususnya dalam memperingati peristiwa Israk dan Mikraj Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.



SEBAHAGIAN pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan yang hadir pada majlis tersebut (atas) dan persembahan tausyeh dari Kumpulan Al-Wildan menyeroni majlis (bawah).



## Bentuk patriotik kalangan generasi muda



ANTARA pelajar Sekolah Menengah Pengiran Isteri Hajah Mariam Serasa yang hadir mengikuti Program Taklimat Kenegaraan 'Menghayati Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara' di Dewan Auditorium, Jabatan Penerangan.

Oleh: Rohani Haji Abdul Hamid,  
Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi  
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said,  
Mohd. Mahdi Haji Marsidi

**B**ANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 10 Jun. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, menganjurkan Program Taklimat Kenegaraan 'Menghayati Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara' yang menyasarkan kepada para pelajar Sekolah Menengah Pengiran Isteri Hajah Mariam, Serasa.

Taklimat Kenegaraan diadakan di Dewan Auditorium, Jabatan Penerangan.

Objektif program berkenaan ialah untuk mengoptimakan penghayatan dan pemahaman khususnya dalam kalangan para pelajar terhadap lagu kebangsaan dan bendera negara ke arah kesedaran hidup berbangsa, beragama berdasarkan falsafah negara Melayu Islam Beraja (MIB).

Taklimat juga dihasratkan untuk menyemai perasaan cintakan bangsa, agama, raja dan negara,



PENUNTUT-PENUNTUT Sekolah Menengah Awang Semaun (SMAS) ketika hadir mendengarkan Taklimat Menghayati Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan'



mengukuhkan semangat solidariti, patriotik dan kenegaraan yang tinggi dalam diri para pelajar melalui lagu kebangsaan dan bendera negara, selain meningkatkan usaha-usaha yang telah sedia ada dalam menggalakkan para pelajar untuk menghormati serta menjawai lagu kebangsaan dan bendera negara.

Antara atur cara program berkenaan ialah nyanyian Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' dan Lagu Patriotik 'Bendera Negara', dan seterusnya Taklimat Kenegaraan.

Para pelajar juga berpeluang menjawab soalan-soalan kuiz yang mana soalan-soalan adalah berdasarkan daripada taklimat yang

disampaikan dan menyaksikan tayangan klip video mengenai bendera negara.

Sementara itu, lebih 100 orang penuntut dari Sekolah Menengah Awang Semaun menghadiri taklimat yang seumpama yang disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Ketua Unit Kenegaraan, Awang Haji Dayang bin Haji Kasim. Taklimat tersebut diadakan di Dewan Auditorium, Jabatan Penerangan pada 24 Jun.

Program Taklimat Kenegaraan ini merupakan projek berterusan jabatan tersebut dan akan dilaratkan ke sekolah-sekolah menengah dan maktab-maktab di seluruh negara.

# Penyampaian sijil mahasiswa UBD

Oleh : Hajah Sujimawati Mejari

Foto : Haji Mahmud Hafidzie Haji Awang Ali Mashod

**B**ANDAR SERI BEGAWAN, 11 Jun. - Program Penempatan Pekerjaan yang merupakan sebuah program yang ditawarkan dalam GenNext yang bertujuan untuk mendedahkan mahasiswa untuk menyelami pesekitaran pekerjaan yang sebenar.

Sehubungan dengan itu, Majlis Penyampaian Sijil Program Penenempat Kerja Universiti Brunei Darussalam (UBD) Discovery Year Sesi Akademik 2013/2014 bagi mahasiswa UBD telah diadakan di Dewan Auditorium Jabatan Penerangan.


Tiga orang mahasiswa UBD iaitu Awang Abdul Taib bin Haji Jais, Awang Muhammad Khairulanwar bin Idris, Dayang Norrasidah binti Jumat dengan kerjasama Unit Latihan dan Penyelidikan telah mengikuti program berkenaan di jabatan ini selama 14 minggu (bermula 3 Februari hingga 10 Mei 2014). Mereka merupakan mahasiswa yang mengikuti pengajian Sarjana dalam Bahasa Melayu dan Linguistik.

Melalui pengalaman selama tiga bulan setengah, mahasiswa berkenan berkesempatan untuk mengadaptasi pesekitaran sewaktu ditempatkan di Bahagian Pelita

Brunei yang lazimnya seperti membantu membuat liputan di luar, menulis rencana, menemu bual orang ramai dan sebagainya.

Selain itu pengetahuan mengenai bahan terbitan versi Melayu turut dipelajari selama ditempatkan di Unit Terbitan Melayu. Di sini mahasiswa berpeluang untuk menyaksikan dan membantu proses pembuatan buku, dari proses awal pengumpulan bahan, penyemakan, reka letak, penyuntingan sehingga ke proses terakhir sebelum ianya dicetak menjadi naskah buku.

Acara berakhir dengan pembentangan dan laporan mengenai tugas yang telah dilaksanakan selama penempatan di Jabatan Penerangan. Sepanjang keberadaan di jabatan ini, para mahasiswa bukan sahaja dapat membantu meningkatkan kemahiran diri malahan juga cara berfikir, tatacara pergaulan dan komunikasi bersama orang-orang bergelar dan apa juar yang bermanfaat untuk digunakan pada masa akan datang. Hadir menyaksikan pembentangan tersebut ialah Pemangku Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar dan pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan.



AWANG Abdul Taib mengongsikan pengalaman beliau semasa Program Penempatan Pekerjaan di Jabatan Penerangan.



AWANG Muhammad Khairulanwar (kiri) dan Dayang Norrasidah membentangkan laporan masing-masing.



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah menyampaikan sijil kepada mahasiswa berkenaan.





KUALA BELAIT, Selasa, 10 Jun. - Semangat cinta kepada raja, agama, bangsa dan negara perlu disemai di peringkat generasi muda terutama murid-murid sekolah rendah.

Murid-murid juga perlu dilatih untuk memiliki semangat patriotisme mantap dan taat setia yang jitu serta kental yang tidak pernah goyah untuk menghadapi apa jua cabaran yang boleh memudararatkan bangsa dan negara.

Oleh itu, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Jabatan Penerangan Cawangan Daerah Belait meneruskan lagi 'Program Taklimat Kenegaraan Menghayati Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara'.

Menyanyikan lagu kebangsaan dan menaik-kibarkan Bendera Negara Brunei Darussalam antara pendidikan awal murid-murid ke arah menimbulkan semangat kenegaraan dan kesedaran hidup berbangsa, beragama dan bernegara.

Program taklimat bagi sekolah-sekolah rendah seluruh negara 2014 peringkat Daerah Belait dengan berkunjung ke sekolah-sekolah yang berkaitan dan kali ini rombongan yang diketuai oleh Ketua Cawangan Penerangan Daerah Belait, Dayangku Nasibahanim binti Pengiran Haji Bakar berada di Sekolah Rendah Sungai Teraban.

Taklimat disampaikan kepada 58 murid Pra hingga Tahun 6 dan 13 guru dengan harapan dapat menyemai semangat patriotisme murid-murid dalam menghormati serta menjawai lagu kebangsaan dan bendera negara.

Selaku rakyat dan penduduk negara ini, sudah semestinya murid-murid belajar mengenal, menghormati, menjaga dan memelihara maruah serta identiti negara memandangkan mereka penerus pejuang bangsa yang akan sentiasa



MURID-MURID Pra hingga Tahun 6 Sekolah Rendah Sungai Teraban mengikuti Taklimat Kenegaraan Menghayati Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara.

menjaga imej dan maruah bangsa dan negara.

Turut hadir mendengar taklimat, Guru Besar, Dayang Mizawati binti Haji Marusin.

Taklimat mengenai 'Menghayati Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara' disampaikan oleh Pembantu Pegawai Luar Penerangan, Awang Muhammad Hidayatullah bin Zahari manakala kuiz kenegaraan oleh Dayang Siti Haniza binti Azari mengenai bendera negara dan lagu kebangsaan.



GURU Besar Sekolah Rendah Sungai Teraban, Dayang Mizawati binti Haji Marusin menyampaikan hadiah kepada murid-murid yang berjaya menjawab kuiz.



SEORANG murid cuba menjawab soalan kuiz yang diajukan oleh Dayang Siti Haniza binti Azari.

Antara yang terkandung dalam taklimat tersebut ialah tatacara menaik-kibarkan bendera negara dan sejarah lagu kebangsaan Negara Brunei Darussalam ‘Allah Peliharakan Sultan’, serta definisi, peranan dan mengenai sejarah bendera dan lagu kebangsaan negara. Rakyat dan penduduk negara ini dikehendaki menaik-kibarkan dan kemudian menurunkan bendera negara pada waktu yang telah ditetapkan, yang lazim diumumkan melalui media massa kerajaan seperti akhbar rasmi kerajaan ‘Pelita Brunei’ dan Radio dan Televisyen Brunei (RTB).

“Sebagai lambang identiti negara dan bangsa, bendera yang dinaikkan atau dikibarkan mestilah dalam keadaan baik dan sempurna seperti tidak koyak, tidak luntur atau pudar warna dan dipasang di tempat yang sesuai mengikut keadaan tempat”.

Majlis diakhiri dengan penyampaian hadiah kepada murid-murid yang berjaya menjawab kuiz yang disampaikan oleh Guru Besar sekolah berkenaan.

## Pegawai dan kakitangan dikurniakan P.I.K.B.

Oleh : Nooratini Haji Abas, Nur Amalina Jennifer Abdullah Mok

Foto : Masri Osman, Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali,

Hajah Rosidah Haji Ismail

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan mengurniakan Pingat P.I.K.B.



DAYANG Hajah Rosidah binti Haji Ismail (kiri) dan Dayang Hajah Apsah binti Haji Sahdan (kanan) antara penerima pingat P.I.K.B.



PENERIMA pingat P.I.K.B. Awang Bolhassan bin Haji Abu Bakar (kiri) dan Ampuan Haji Mahmud bin Ampuan Haji Tengah (kanan).



AWANG Omarali bin Zakaria (kiri) dan Ampuan Mohd. Daud bin Ampuan Tengah (kanan) antara penerima pingat-pingat kehormatan.



**B**andar Seri Begawan, Selasa, 10 Jun - Seramai tujuh orang pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan dikurniakan Pingat Indah Kerja Baik (P.I.K.B.) sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-67 Tahun.

Berangkat mengurniakan pingat-pingat kehormatan negara, selaku Wakil Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah.

Istiadat Pengurniaan Pingat-Pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam ini berlangsung di Balai Singgahsana Indera Kenchana, Istana Nurul Iman. Pengurniaan setentunya dapat menyuntik semangat untuk terus menabur bakti kepada pihak kerajaan dengan penuh komited dan bertanggungjawab.

*Tahniah diucapkan kepada:*

1. Dayang Hajah Rosidah binti Haji Ismail
2. Ampuan Haji Mahmud bin Ampuan Haji Tengah
3. Dayang Hajah Apsah binti Haji Sahdan
4. Awang Bolhassan Haji Abu Bakar
5. Awang Haji Shamsudin bin Haji Omar
6. Awang Omarali bin Zakaria
7. Ampuan Mohd. Daud bin Ampuan Tengah

# Program Wanita Bermaklumat beri keyakinan diri

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani  
Foto : Azmah Haji Ahad

**B**ANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 11 Jun. - Kaum wanita sama ada seorang suri rumah tangga, yang sedang mencari pekerjaan malah yang dalam perkhidmatan kerajaan atau swasta perlu menimba ilmu sebanyak mungkin.

Adanya seseorang itu berilmu setentunya akan dapat memberikan keyakinan diri dalam menghadapi apa jua situasi dan cabaran masa kini.

Pemangku Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Aliomar menekankan perkara itu pada Program Wanita Bermaklumat (Keusahawanan) yang berlangsung di Dewan Auditorium, Jabatan Penerangan.

Program yang dilaksanakan melalui Unit Hubungan Masyarakat, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan dihasratkan agar wanita-wanita Negara Brunei Darussalam memiliki nilai tambah iaitu ilmu yang akan dapat disampaikan melalui taklimat-taklimat yang diberikan.

Jabatan Penerangan selaku agensi kerajaan dalam tugas dan tanggungjawab sebagai mata, mulut dan telinga kerajaan berperanan penting dalam sama-sama membarigakan maklumat-maklumat kerajaan kepada semua lapisan masyarakat.

"Sesuai dengan visinya Ke Arah Masyarakat Bermaklumat, sememangnya Jabatan Penerangan

**PEMANGKU** Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Aliomar (kiri) dan tetamu kehormat Majlis Yang Berhormat Datin Paduka Hajah Zasia binti Sirin (tengah) semasa mendengar taklimat keusahawanan di Dewan Auditorium, Jabatan Penerangan.



berusaha melaksanakan strategi-strategi yang berkesan melalui media baru seperti 'Facebook', laman web, melalui media cetak iaitu penerbitan buku-buku jabatan dan melalui 'interpersonal' media."

Untuk program pertama ini, jabatan memberi tumpuan kepada isu keusahawanan dan telah menjemput pegawai-pegawai dari Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU) untuk dapat berkongsi sama maklumat berkaitan yang akan digunakan sebagai bahan rujukan dan tindakan.

Kehadiran para peserta menunjukkan sokongan yang padu dari semua dalam sama-sama mengangkat martabat wanita dengan mengisikannya dengan ilmu yang akan memberikan manfaat kepada semua dalam menjalani kehidupan seharian.

Hadir selaku tetamu kehormat pada program itu ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Datin Paduka Hajah Zasia binti Sirin.

Para peserta program terdiri daripada ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung Mukim Pengkalan Batu, ahli-ahli Persatuan Wanita (WI) dan Persatuan Perniagaan Wanita dengan keramaian lebih kurang 100 orang peserta.

Taklimat-taklimat disampaikan oleh pegawai-pegawai KPSSU dari Pusat Pembangunan Keusahawanan, Pusat Inovasi Cottage dan Kraftangan dan Badan Kemajuan Industri Brunei (BINA).

Para peserta juga berpeluang mengadakan lawatan ke tapak perusahaan berjaya yang dikendalikan oleh pengusaha wanita iaitu Hana Soy & World (B) Sendirian Berhad, Kampung Serambangun, Tutong.

Inisiatif seumpama ini adalah sebagai salah satu usaha Jabatan Penerangan dalam sama-sama menyebarluaskan aktiviti dan program-program kerajaan dalam menyokong Wawasan 2035 iaitu ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan di Negara Brunei Darussalam.



PARA peserta program bergambar ramai bersama tetamu kehormat.

# Pelbagai kebudayaan serikan lawatan

Oleh & Foto :  
Hajah Rosidah Haji Ismail

**P**ERASAAN teruja apabila mengetahui menyertai Program Kerjasama dalam bidang Penerangan di antara Malaysia dengan Negara Brunei Darussalam : Jemputan Khas Pegawai Penerangan dan lawatan Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK) ke Malaysia pada 17-21 Jun 2014. Tumpuan utama lawatan tersebut ialah Negeri Kelantan, Malaysia.

Dalam program kerjasama tersebut, Jabatan Penerangan telah diwakili oleh Pegawai Penerangan, Dayang Hajah Rosidah binti Haji Ismail yang juga selaku Ketua Delegasi; Penolong Pegawai Penerangan, Awang Haji Salleh bin Haji Yusuf; Pegawai Luar Penerangan, Awang Haji Rahime bin Haji Anuar dan Pembantu Pegawai Luar Penerangan Dayang Dona Azfina binti Haji Ibrahim.

Manakala Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK) diwakili oleh Penghulu Mukim Bokok, Daerah Temburong, Awang Haji Emran bin Haji Sabtu; Penghulu Mukim Kiudang, Daerah Tutong, Awang Abdul Rahim bin Abdullah Yakin dan Pemangku Penghulu Mukim Labi, Daerah Belait, Awang Hanapi bin Mohd Siput. Rombongan tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) pada pukul 12.05 tengah hari dan menaiki domestic flight seterusnya ke Kota Bharu, Kelantan.

Terbayang sudah di dalam minda bagaimakah keadaan Kelantan, budayanya dan orang-orangnya. Apakah Kelantan sudah jauh membangun dengan infrastrukturnya yang moden dan canggih? Semua ini bermain-main dalam fikiran sehingga menjejaskan kaki di bumi Kelantan. Ternyata Kelantan jauh membangun mengikut arus kemodenan tetapi uniknya masih mempertahankan budaya dan tradisi yang diwarisi sejak



DELEGASI Jabatan Penerangan Negara Brunei Darussalam merakamkan gambar kenangan di pejabat Jabatan Penerangan Malaysia Negeri Kelantan.

zaman-berzaman dengan keramahan.

Penerbangan ke Kota Bharu Kelantan berlepas pada pukul 6.35 petang dan tiba di Lapangan Terbang Sultan Ismail Kota Bharu Kelantan pada pukul 7.25 malam. Rombongan menerima kejutan apabila keluar dari holding room disambut oleh barisan daripada wakil-wakil pelbagai Komuniti 1 Malaysia (K1M) sebagai mengalu-alukan kedatangan delegasi dari Negara Brunei Darussalam dan Republik Indonesia.

Delegasi kedua-dua buah negara diraikan dalam satu majlis Makan Malam di Pantai Cahaya Bulan Resort (PCB). Tetamu kehormat di majlis tersebut ialah Ketua Pengarah Jabatan Penerangan Malaysia, YBHG, Dato' Haji Ibrahim bin Abdul Rahman yang sengaja turun ke Kelantan pada malam tersebut untuk bersama-sama para delegasi. Turut hadir ialah Pengarah Penerangan Kelantan, YABrs. Tuan Haji Ramly Yusoff dan juga beberapa orang pegawai tinggi kerajaan Kelantan.

Pada hari kedua lawatan bermula pada pukul 9.00 pagi, rombongan dibawa ke Pusat Maklumat Rakyat



PENGARAH Penerangan Kelantan YABrs. Tuan Haji Ramly Yusoff bergambar ramai bersama delegasi Negara Brunei Darussalam dan Republik Indonesia.



Pejabat Penerangan Daerah, Kota Bharu dan diberi penerangan ringkas mengenai Pusat tersebut yang disampaikan oleh Pengarah Penerangan Kelantan.

Rombongan kemudian bertolak ke Kelantan FM dan disambut oleh Pengarah Radio Kelantan dan juga mendengar taklimat daripada Pengarah RTM Kelantan. Selepas itu Program Budi Bicara Bersama Kelantan FM dengan Ketua Delegasi dari Negara Brunei Darussalam dan Republik Indonesia juga disiarkan secara langsung melalui Kelantan FM.

Rombongan seterusnya bertolak ke New Horizon Garden Kota Bharu untuk jamuan makan tengah hari yang diberikan oleh Pengarah Kelantan FM. Sepanjang perjalanan menuju New Horizon garden, kami disajikan dengan pemandangan yang cantik dengan sawah padi dan suasana kampung yang mesra.

Pada sebelah petang, rombongan bertolak ke K1M Kampung Talak, Tumpat bagi menghadiri Majlis Ikatan Silaturahim K1M Talak, Tumpat Bersama MPMK Negara Brunei Darussalam dan KIM Indonesia. Ketibaan Delegasi ke perkarian anjung K1M Talak disambut oleh pembawa bunga manggar, pulut semangat dan paluan gendang. Ini diikuti dengan persembahan silat oleh pelajar Kelab silat SMK Tumpat di pekarangan anjung Ayu Fashion Kampung Talak. Suasana kampung yang damai dengan keramahan dan kemesraan masyarakat di sana menyambut kami sangat menyentuh hati.

Di K1M Talak Tumpat ini delegasi dibawa melihat secara dekat cara-cara membuat wau (kikik), anyaman bakul, rotan, buluh dan makanan tradisi Kelantan. Para peserta delegasi juga berpeluang untuk mencuba sendiri cara-cara mencanting batik yang merupakan pengalaman pertama sebahagian ahli rombongan. Produk-produk yang dihasilkan oleh K1M Talak Tumpat ini begitu berkualiti terutama sekali pembuatan batik yang sangat cantik sehingga diimport ke luar negeri. Harganya yang mahal memang berbaloi dengan kualiti batik tersebut.

Delegasi kedua-dua buah negara kemudian dihiburkan dengan persembahan Dikir Barat oleh K1M Talak, Tumpat dan seterusnya lawatan ke galeri Butik Ayu Fashion Kampung Talak.

Pada sebelah malamnya pula rombongan bertolak ke K1M Laklok, Machang bagi menyaksikan Persembahan kebudayaan. Di majlis ini, rombongan dihiburkan dengan persembahan dikir barat oleh kumpulan Belia Y, K1M dan juga persembahan pengubatan secara tradisional dengan mantera yang diiringi muzik dan nyanyian oleh bomoh yang diundang khas. Majlis bertambah meriah apabila para delegasi juga dipelawa ikut serta dalam dikir barat.

Rasanya tidak lengkap melawat Kelantan jika tidak melihat sendiri Pasar Siti Khadijah, sebuah pasar terkenal yang dimonopoli oleh peniaga wanita. Sebuah pasar yang menjual bermacam-macam jenis barang dari sayur-sayuran, makanan kering hingga jualan pakaian. Rombongan berkesempatan melihat barang-barang jualan tradisional Kelantan seperti keropok lekor, serunding dan lain-lain lagi yang tidak didapati di negara kitani.

Destinasi seterusnya ialah Anjung Tinjau Geting, Tumpat. Di kawasan seluas 4 hektar ini terdapat bangunan Infogaleri Sungai Golok Tengku Anis. Galeri

ini dibina bagi menyebar maklumat berkaitan Projek Pembangunan Muara Sungai Golok, sebuah projek kerjasama di antara Kerajaan Malaysia dan Thailand. Para delegasi juga berkesempatan menaiki Menara Pandang yang terletak di sebelah muara Sungai Golok dengan ketinggian 8m, bagi menikmati keindahan panorama di kawasan sekeliling dengan laut yang luas sajana mata memandang.

Para peserta rombongan bertuah kerana dibawa melawat ke Jambatan Muhibbah Rantau Panjang. Jambatan tersebut menghubungkan Negara Malaysia dan Thailand. Kawasan Bebas Cukai Rantau Panjang juga menjadi destinasi rombongan. Seterusnya rombongan kemudian dibawa ke Pantai Irama, Bachok. Di sana rombongan dilayan dengan mesra dan minum petang bersama-sama dengan K1M Bachok.

Pada sebelah malam, rombongan bertolak ke Komuniti 1Malaysia Terbak, Tumpat bagi menghadiri Majlis Tautan Kasih K1M Kampung Terbak, Tumpat bertempat di Kompleks Perpaduan Terbak, Kelantan.

Delegasi disambut dengan cukup meriah oleh Pengurus K1M Kampung Terbak, Tumpat dan penduduk di sana dengan pukulan kompong dan tarian Siam oleh Masyarakat Bumiputera Siam Komuniti 1Malaysia Kampung Terbak, Tumpat. Delegasi terlebih dahulu dijamu makan malam yang enak di sana. Delegasi juga dihiburkan dengan Persembahan Kebudayaan Kaum Siam dan diberikan cenderamata kenangan sebelum bersurai.

Pada hari keempat, hari terakhir kami berada di Negeri Kelantan. Perasaan sedih mula menyelubungi kami apatah lagi bila mengingatkan layanan mesra daripada pegawai-pegawai Penerangan Kelantan sepanjang kami berada di sini. Kami meninggalkan Kota Bharu Kelantan menuju KLIA dengan menaiki domestic flight tiba di di KLIA pada pukul 1.35 petang. Kami di bawa ke tempat penginapan di Everly Hotel Putrajaya.

Pada sebelah malam rombongan dibawa menaiki cruise Tasek Putrajaya untuk menikmati makan malam bersama Ketua-ketua Bahagian Penerangan, Pegawai-pegawai kanan Penerangan Putrajaya. Majlis makan malam tersebut dimeriahkan lagi dengan persembahan bunga api yang secara kebetulan dimainkan pada malam itu bersempena dengan Pesta bunga-bunga dan kapal bercucul di Tasek Putrajaya. Delegasi dari Negara Brunei Darussalam dan Republik Indonesia tidak melepaskan peluang ini dengan mengambil gambar-gambar untuk dijadikan kenangan apabila pulang ke negara masing-masing. Panorama malam yang sungguh indah menjadi kenangan manis bagi kami semua apatah lagi layanan yang kami terima

sungguh istimewa dari rakan-rakan di Penerangan Malaysia.

Apa yang sungguh menarik semasa berada di Kelantan ialah rombongan kami berpeluang untuk melihat pokok kurma yang berbuah dan sudah masak. Pokok kurma ini ditanam di kawasan bulatan jam besar oleh pihak Majlis Perbandaran Kota Bharu sejak 7 tahun yang lalu. Ia menjadi sungguh istimewa kerana kebiasaannya pokok kurma hanya tumbuh di negara-negara Timor Tengah yang berhawa panas tetapi di Kelantan ia tumbuh subur.

Makanan yang disediakan untuk menjamu kami juga tidak kurang hebatnya. Pelbagai jenis makanan dengan nama-nama yang pelik dari daerah-daerah yang berlainan disajikan untuk kami. Rasanya sungguh sedap terutama hidangan utama mereka, nasi dagang dan laksam. Di mana-mana tempat bahkan di hotel penginapan kami kedua-dua jenis menu ini tidak ketinggalan.

Sepanjang jalan di Kelantan, papan-papan tanda atau billboard didirikan keadaannya sama seperti di Negara Brunei Darussalam iaitu Tulisan Jawi disertakan, di samping Tulisan Rumi. Terasa seperti berada di negara sendiri apabila melihat iklan-iklan tersebut. Gambar-gambar yang tertera pada papan-papan iklan tersebut juga menampilkan wanita menutup aurat (bertudung) sesuai dengan nama jolokan Kelantan sebagai 'Serambi Mekah'.

Delegasi dari Negara Brunei Darussalam juga sangat bertuah kerana daripada lawatan ini banyak pengetahuan yang diperolehi terutama bagi penghulu-penghulu mengenai produk-produk hasil kampung. Ini setentunya akan menjadi suntikan semangat untuk mempelbagaikan dan meningkatkan lagi hasil produk supaya dapat diketengahkan ke pasaran antarabangsa.



# Peserta Bengkel Pengendalian Sistem Pembesar Suara terima sijil

Oleh : Aimi Sani

Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

**B**ANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 18 Jun. - Bengkel Pengendalian Sistem Pembesar Suara Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri (JPM) selama tiga hari yang bermula pada 16 Jun lalu berakhir dengan Majlis Penyampaian Sijil, bertempat di Dewan Auditorium, Jabatan Penerangan.

Hadir selaku tetamu kehormat seterusnya menyampaikan sijil kepada para peserta ialah Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad.

Pegawai Luar Jabatan Penerangan, Awang Haji Mandon bin Haji Ibrahim mengatakan engkel selama tiga hari tersebut telah membuka minda, selain dapat mempelajari banyak perkara baru baik dari segi teknikal, teori dan praktikal.

Adalah diharapkan kursus ini akan menjadi satu pencetus pemikiran bagi para peserta termasuk dirinya untuk terus ke depan dan menimba ilmu, seterusnya mencari inovasi baru khususnya dalam hal teknikal penyediaan sistem pembesar suara.

Sistem penyediaan pembesar suara adalah 'core business' Jabatan

Penerangan kerana jabatan ini merupakan sebuah agensi yang terkenal dan memang dikenali ramai dalam hal ehwal penyediaan sistem pembesar suara sama ada di peringkat kecil hingga di peringkat besar yang mana melibatkan keberangkatan kerabat diraja.

"Sehubungan dengan itu adalah menjadi satu kemestian supaya kami melengkapkan diri kami dengan ilmu yang terbaik dan yang terkini khususnya dalam penyediaan perkhidmatan pembesar suara."

Gabungan di antara ilmu pengetahuan dan kualiti peralatan akan menghasilkan sistem pembesar suara yang mantap.

Seramai 39 orang pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan telah mengikuti bengkel tersebut.

Bengkel dikendalikan oleh Penolong Jurutera Jabatan Penerangan, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia, Tuan Mohd. Rosdie bin Abdul Razif.

Bengkel merupakan salah satu program pembangunan kapasiti di bawah Memorandum Persefahaman Bidang Penerangan di antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan Kerajaan Malaysia.



TUAN Mohd Rosdie semasa menerangkan kursus berkenaan.



PARA peserta bengkel menjalani praktikal (gambar atas & bawah).



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad bergambar ramai bersama para peserta yang menyertai Bengkel Pengendalian Sistem Pembesar Suara Jabatan Penerangan.

# Rombongan “Saceda Youth Lead” lawat Jabatan Penerangan

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Azmah Haji Ahad

**B**ANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 18 Jun. - Serombongan enam peserta terdiri daripada seorang murid, dua guru dan dua jurugambar yang diketuai oleh Dr. Dave G Saceda dari “Saceda Youth Lead”, Republik Filipina, telah mengadakan lawatan ke Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri.

Lawatan tersebut didahului dengan ucapan alu-aluan oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad.

Semasa lawatan tersebut, para rombongan diberikan satu taklimat mengenai latar belakang dan sejarah Jabatan Penerangan yang disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Jabatan Penerangan, Awang Haji Dayang bin Haji Kasim.

Pada lawatan tersebut, Dr. Dave G Saceda ketika ditemu bual wakil PELITA BRUNEI berkata, rombongannya berada di Negara Brunei Darussalam selama tiga hari. Ia bertujuan bagi membuat penggambaran bagi sebuah projek dokumentari yang dipanggil “Continent’s Journey” yang akan bermula pada 15 Julai 2014 sehingga bulan Julai 2015.



PEGAWAI Penerangan, Jabatan Penerangan, Awang Haji Dayang bin Haji Kasim semasa menyampaikan taklimat

Projek ini berjalan selama setahun di negara ini, yang mana ia bermula di benua-benua Australia, Selatan dan Utara Amerika, Asia, Afrika dan Eropah.

Sebagai langkah awal, para rombongan membuat beberapa eksperimentasi / percubaan awal di negara ini selaku negara tumpuan dan bagi projek yang akan dilaksanakan itu nanti yang berpandukan kepada beberapa bidang antaranya, bidang Geografi, Keugamaan, Sejarah, Pendidikan, Perekonomian dan sebagainya yang juga lebih dikenali sebagai GRAPES(Geografi, Religion, Arts and Architecture, Politics and Government, History, Environment,

Education, Economy, Social Structures).

Dalam pada itu, beliau turut mengagumi dan berbangga dengan kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah banyak membawa kemajuan dari segi keugamaan, pendidikan, kebudayaan dan sebagainya.

Para rombongan meneruskan lagi lawatan mereka dengan mengunjungi ke beberapa tempat-tempat menarik di negara ini iaitu ke Muzium Teknologi, Jalan Kota Batu, ke Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRE), Kementerian Pembangunan dan banyak lagi.

Juga hadir di lawatan tersebut ialah Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar, pegawai-pegawai dari Jabatan Penerangan dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad dan pegawai-pegawai Jabatan Penerangan semasa bergambar ramai bersama rombongan Saceda Youth Lead, Republik Filipina yang diketuai oleh Dr. Dave G Saceda.

# Rombongan Maktab Sains tinjau lebih dekat Jabatan Penerangan

Oleh: Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto: Dk. Nur Haflah Pg. Osman

**B**ANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 23 Jun. - Tugas dan peranan yang dimainkan oleh Jabatan Penerangan adalah selaku lidah, mata dan telinga kerajaan dalam menjaga imej Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan juga membarigakan hasrat kerajaan seperti Wawasan 2035 dan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syar'iah, 2013 melalui media cetak, komunikasi bersemuka dan media baru.

Demikian dinyatakan oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad ketika mengalu-alukan serombongan pelajar dari Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan (MSPSBS) ke Jabatan Penerangan.

Rombongan yang diketuai oleh Awang Mohammad Sharin bin Haji Mohammad Said berserta 19 pelajar dari sekolah berkenaan berkesempatan beramah mesra dan mengadakan sesi soal jawab dengan Pemangku Pengarah Penerangan dan pegawai-pegawai Jabatan Penerangan.

Rombongan juga turut mendengarkan sesi taklimat mengenai Jabatan Penerangan yang disampaikan oleh Ketua Unit Perhubungan Awam, Dayang Hajah Noriah binti Haji Abd Hamid yang antara lain menerangkan mengenai misi, visi, peranan utama, sejarah dan perkembangan jabatan, perkhidmatan dan produk serta peranan dan fungsi utama Unit Perhubungan Awam di Jabatan Penerangan.

Selain itu juga, Bahagian Unit Kemasyarakatan dan Kenegaraan juga menyampaikan taklimat mengenai dengan usaha-usaha yang sedia ada dalam menggalakkan para pelajar untuk menghormati serta menjawai lagu kebangsaan dan bendera negara.

Jabatan Penerangan sejak penubuhannya sehingga sekarang telah berkembang maju dengan memiliki bangunan baru.

Di samping itu, akhbar rasmi kerajaan PELITA BRUNEI di bawah Jabatan Penerangan diterbitkan tiga kali seminggu iaitu setiap hari Isnin, Rabu dan Sabtu. Manakala berita-berita dalam PELITA BRUNEI juga boleh dilayari melalui 'online' sejak Julai 2007.

Lawatan antara lain bertujuan untuk memberikan pendedahan

dan maklumat mengenai sistem pentadbiran negara untuk para pelajar ketahui dan mengemaskinkan diri mereka dengan pengetahuan dan maklumat penting mengenai negara ini.

Sebelum menamatkan lawatan, rombongan dibawa melawat ke Mini Pameran.



SEBELUM menamatkan lawatan, rombongan dibawa melawat ke Mini Pameran (gambar atas & bawah)



ROMBONGAN pelajar dari Maktab Sains Paduka Seri Begawan bergambar ramai bersama Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad.

**Jabatan Penerangan mengucapkan  
selamat datang kepada seorang pegawai yang berkhidmat di jabatan ini:**



**Awang Hamzah bin Mohidin  
Jawatan : Penolong Pegawai Foto Tingkat II  
Tarikh Melapor : 9 Jun 2014**

*Senarai pegawai dan kakitangan yang menyertai kursus pada bulan ini:*

**Emotional Intelligence Strategies di Institut Perkhidmatan Awam**  
Tarikh : 9 – 14 Jun 2014  
**Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar**

**Policy Management di Institut Perkhidmatan Awam**  
Tarikh : 17 – 18 Jun 2014  
**Dayang Hajah Rabi'atuladawiyah binti Haji A. Ahmad**

**Kursus Pengurusan Mesyuarat Berkesan di Institut Perkhidmatan Awam**  
Tarikh: 10 – 12 Jun 2014  
**Awang Hasanul Hidayat bin Haji Abu Bakar**

**Kursus Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR) dan Manual Prosedur Kerja (MPK) di  
Institut Perkhidmatan Awam**  
Tarikh : 10 – 12 Jun 2014  
**Pg Ikram bin Pg Haji Ahmad**

**Kursus Tatacara Persuratan Rasmi di Institut Perkhidmatan Awam**  
Tarikh : 5 Jun 2014  
**Awang Eddy Iswandy bin Haji Ismail**  
**Dayang Hajah Noorhijrah binti Haji Idris**  
**Muhammad Hidayatullah bin Zahari**  
**Hasanul Hidayat bin Haji Abu Bakar**

**Kursus Asas Etika Mesyuarat di Institut Perkhidmatan Awam**  
Tarikh : 2 - 3 Jun 2014  
**Dayangku Nur Effa Ryina binti Pengiran Haji Hamdani**  
**Abdullah bin Sabang**  
**Mohammad Zhulaidi bin Muhammad**

**Kursus Perkhidmatan Kaunter, Penyambut Tetamu dan Telefon Operator Yang Berkualiti di  
Institut Perkhidmatan Awam**  
Tarikh : 23 – 26 Jun 2014  
**Dayang Dede Sutini binti Mazziz Hassan**  
**Dayang Sylvina Hon Zae Leena**  
**Dk Hajah Siti Mewartee binti Pg Haji Kahar**

*Senarai pegawai dan kakitangan yang menyertai kursus pada bulan ini: (sambungan)*

**Bengkel Pengendalian Sistem Pembesar Suara di Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri**

Tarikh : 16 -18 Jun 2014

Dayang Foo Lan Fah @ Fui Lan Pah  
Awang Haji Rahime bin Haji Anuar  
Awang Haji Madon bin Haji Ibrahim  
Awang Mohd Nizam bin Abdullah  
Awang Rafa'ee bin Yaakub  
Pg Emran bin Pg Haji Salleh  
Awang Haji Masrin bin Baharin  
Awang Abu Bakar bin Haji Duraman  
Awang Belang bin Gelawat  
Awang Mohd Zhulaidi bin Muhammad  
Awang Lim Ting Tiang  
Awang Akui bin Anam  
Awang Esa bin Sabli  
Awang Abdullah bin Sabang  
Awang Aliasan bin Haji Kalong  
Awang Mohd. Suhud bin Haji Bungsu  
Awang Ah Chua bin Bangau  
Awang Shari bin Haji Garip  
Awang Kamal Abdul Nasir bin Majin  
Awang Bazlan bin Haji Besar  
Awang Mohd Rusli bin Abdullah @ Gandok  
Awang Muhammad Halime bin Haji Tajuddin  
Dayang Dona Azfina binti Ibrahim  
Awang Haji Mahmud Hafidzie bin Haji Awang Ali Mashod  
Awang Ismale bin Abdul Rahman  
Dayang Faridah binti Haji Kaderi  
Dk Nur Effa Ryina binti Pg Haji Hamdani  
Dayang Siti Haniza binti Azari  
Ampuan Roza Amalyati binti Ampuan Hussain  
Dayang Jorrani binti Haji Zainal  
Dayang Siti Norasilah @ Anisah binti Awang Asli  
Dayang Indaradiana binti Sahak  
Awang Mohammad Arif bin Matali  
Awang Muhammad Arif bin Morni @ Elmi bin Moni  
Awang Rahmat Shukurillah bin Harith / Mirah  
Awang Haji Muhammad Hidayatullah bin Abdullah Ang  
Dayang Khairunnezza binti Abdullah  
Awang Muhammad Hidayatullah bin Zahari  
Awang Sharin bin Haji Md Noor

Sila layari laman sesawang Jabatan Penerangan di:

<http://www.penerangan.gov.bn>  
<http://www.information.gov.bn>  
<http://www.pelitabrunoi.gov.bn>

Media Sosial Penerangan:



Jabatan Penerangan Jabatan Perdana Menteri



infodept.bn



infodept\_bn